

INTERPRETATION OF ZAKAT'S ASNAF HADITH BY AL-QARADAWI: STUDY ON BOOK OF *FIQH AL-ZAKAH*

PENTAFSIRAN HADIS ASNAF ZAKAT MENURUT AL-QARADAWI: KAJIAN KE ATAS BUKU *FIQH AL-ZAKAH*

Hasanah Abd. Khafidz¹ & Roshimah Shamsudin²

¹ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hasanah@ukm.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. roshimah@usm.my

Article Progress

Received:

4th February 2018

Revised:

20th February 2018

Accepted:

30th March 2018

Vol. 1. No. 1
April Issue
2018

Abstract

This article discusses the interpretation of hadith asnaf zakat according to al-Qaradawi based on his book Fiqh al-Zakah. This article uses qualitative methodology through document analysis methods. The study found that al-Qaradawi's thinking has given a new perspective in improving the zakat system management while addressing the problems of society. In addition, there is also a new idea that has never been raised before by any scholar.

Keywords: *Hadith, zakat, al-Qaradawi, fiqh, scholar.*

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang pentafsiran hadis asnaf zakat menurut al-Qaradawi berdasarkan bukunya Fiqh al-Zakah. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah analisis dokumen. Kajian mendapati bahawa pemikiran al-Qaradawi telah memberikan perspektif baru dalam meningkatkan daya pengurusan sistem zakat semasa disamping menangani masalah masyarakat. Selain itu, terdapat juga idea baru yang dikemukakan yang tidak pernah ditimbulkan sebelum ini oleh mana-mana ulama.

Kata kunci: *Hadis, zakat, al-Qaradawi, fiqh, ulama.*

PENDAHULUAN

Kemunculan buku *Fiqh al-Zakah* karya Dr. Yusuf al-Qaradawi telah memberikan sinar baru untuk umat Islam. Institusi zakat pula sangat mengalu-alukan buku seperti ini kerana ia telah mempersembahkan satu dimensi baru dalam mengaplikasi sistem zakat di zaman yang jauh berbeza berbanding zaman pembentukan hukum Islam dahulu.

Walaupun al-Qaradawi tidak dikenali sebagai tokoh hadis semasa, namun karya

kritis beliau terutamanya dalam mentafsirkan hadis tentang asnaf lapan melalui buku *Fiqh al-Zakah* nyata memberikan impak ke atas sistem pengurusan zakat semasa. Buktinya, di Malaysia sendiri, buku ini telah diterima sebagai salah satu rujukan utama oleh pihak pembentuk dasar dan pengamal dasar di institusi zakat. Selain itu, beberapa pandangan beliau turut digunakan dalam sistem yang dibentuk (Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor Darul Ehsan, 1994).

Oleh yang demikian, beberapa isu yang mengulas hadis-hadis tertentu terutamanya tentang asnaf zakat akan dibentangkan dalam kertas kerja ini untuk mengkaji analisis baru yang dikemukakan oleh al-Qaradawi iaitu dalam buku beliau *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah*, jilid 2. Artikel ini ialah kajian awal terhadap pemikiran al-Qaradawi dalam sistem pengagihan zakat.

LATAR BELAKANG AL-QARADAWI

Nama Yusuf al-Qaradawi telah tersebar ke seluruh dunia sebagai seorang ulama yang terkenal. Beliau bukan sahaja dikenali dalam kalangan umat Islam, malah turut popular di arena antarabangsa apabila sering muncul dalam program popular *al-Shariah wa al-Hayah* yang disiarkan oleh saluran satelit *al-Jazirah* selain terlibat secara langsung dalam pembangunan laman web IslamOnline.com dan al-Qaradawi.net (<http://www.answers.com/topic/yusuf-al-qaradawi>).

Al-Qaradawi dilahirkan di Mesir pada 9 September 1926 dan dibesarkan di negara tersebut. Al-Qaradawi telah menunjukkan kehebatannya sejak kecil lagi apabila berjaya menghafal al-Quran seawal usia 10 tahun lagi. Selepas pengajian peringkat sekolah rendah dan menengah, beliau menyambung pengajian di Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana sekitar tahun 1950-an dan 60-an. Al-Qaradawi sering menjadi pelajar terbaik dalam semua peringkat pengajiannya. Pada tahun 1973, beliau berjaya memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dengan pangkat kepujian melalui tesis bertajuk: *al-Zakah wa Atharuha fi Hil al-Mashakil al-Ijtima'iyah* (www.qaradawi.net).

Al-Qaradawi mula berkecimpung dalam usaha pengembangan agama Islam apabila ditugaskan sebagai guru agama dan khatib di beberapa masjid. Beliau juga pernah bertugas sebagai penyelia Kolej Imam yang diletakkan di bawah Kementerian Wakaf di Mesir. Selepas itu, beliau bertugas di Jabatan Umum Tamadun Islam di Universiti al-Azhar untuk menyelia dan menyelaras penerbitan di bahagian tersebut selain bertugas di Pejabat Kesenian,

Jabatan Dakwah dan Tarbiyah (www.qaradawi.net: 2007).

Pada tahun 1961, al-Qaradawi telah dihantar ke Universiti Qatar dan menjadi Dekan Kolej Tinggi Agama dan telah bertanggungjawab membangun dan mengembangkan kolej tersebut. Selepas beberapa tahun bertugas di universiti ini, akhirnya, pada tahun 1973, beliau berjaya menubuhkan Jabatan Pengajian Islam. Jabatan ini terus berkembang hingga akhirnya pada tahun 1977, ia menjadi Fakulti Syariah dan Pengajian Islam dan beliau dilantik menjadi dekan di situ sehingga penghujung sesi akademik 1989/1990. Al-Qaradawi juga telah mengasaskan Pusat Kajian Sunnah dan Sejarah Nabi di Universiti Qatar dan masih mengepalainya sehingga sekarang (www.qaradawi.net).

Sumbangan al-Qaradawi dalam bentuk penulisan sangat banyak. Beliau diiktiraf sebagai sarjana Islam semasa yang prolifik berdasarkan karya beliau yang mencakupi pelbagai bidang pengajian ilmu Islam dan isu-isu semasa terutamanya yang melibatkan dunia Islam. Antara karya beliau yang terkenal ialah *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Halal dan Haram dalam Islam), *Fatawa Mu'asirah* (Fatwa-Fatwa Semasa), *Madkhal li Dirasat al-Shari'at al-Islamiyyah* (Pengantar Pengajian Syariat Islam), *Min Fiqh al-Dawlah al-Islamiyyah* (Fiqh Kenegaraan), *Nahw Fiqh Taysir* (Ke arah Fiqh Yang Mudah), *al-Ijtihad al-Mu'asir bayn al-Indibat wa al-Infirah* (Ijtihad Semasa: Antara Kejituan dan Pelampauan), *Fiqh al-Zakah, Mushkilat al-Faqr wa Kayfa 'Alajaha al-Islam* (Masalah Kefakiran dan Bagaimana Islam Mengatasinya), *Dawr al-Zakat fi 'Ilaj al-Musykilat al-Iqtisadiyyah* (Peranan zakat dalam Mengatasi Masalah ekonomi), *Madkhal li Dirasat al-Sunnah* (Pengantar Pengajian Sunnah), *Fi Fiqh al-Awlawiyyat* (Fiqh Keutamaan) dan banyak lagi yang menyentuh berbagai-bagai aspek perundangan Islam (www.qaradawi.net).

HADIS TERPILIH DARI BAB ASNAF LAPAN

Dalam bahagian ini, beberapa isu terpilih daripada buku *Fiqh al-Zakah*, jilid 2 akan dibincangkan. Isu yang dipilih adalah masalah yang mempunyai kaitan dengan pemahaman ke atas hadis khususnya yang menyentuh asnaf lapan.

Bantuan Saraan Perkahwinan bagi Fakir dan Miskin

Apabila al-Qaradawi membincangkan tentang perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha tentang jumlah peruntukan untuk fakir dan miskin, beliau menyelitkan pandangannya tentang perkahwinan. Persoalan yang ditimbulkan ialah: Adakah perkahwinan termasuk dalam keperluan asas? (Al-Qaradawi: 2000).

Perspektif baru dalam penentuan keperluan asas dibangkitkan kerana beliau berpendirian bahawa fitrah naluri manusia bukan sahaja berkehendakkan makanan dan minuman, malah terdapat juga unsur lain yang perlu dipenuhi seperti *gharizah al-naw'aw al-jins*, iaitu kecenderungan dan keinginan hidup berpasangan.

Sebelum al-Qaradawi membawa hujah *naqliyyah* bagi menyokong pandangan ini, beliau telah terlebih dahulu memberikan penerangan yang jelas dan mantap bagi menyokong pandangan tersebut. Hujah yang diberikan boleh dianggap sebagai dalil *aqli*. Cara ini dilihat dapat mempengaruhi pemikiran pembaca agar turut cenderung dengan pandangan yang dikemukakan.

Selepas itu, barulah dikemukakan hadis bagi menyokong pandangannya. Beliau menyebut:

وإذا كان الإسلام قد نهي عن التبتل والاختصاص وكل لون من ألوان مصادرة الغريزة، وأمر بالزواج كل قادر عليه مستطيع لمؤنته (من استطاع منكم الباءة فليتزوج، فإنه أغض للبصر وأحصن للفرج)، فلا غرو أن يشرع معونة الراغبين في الزواج ممن عجزوا عن تكاليفه المادية من المهر ونحوه.

Maksudnya: "Dan sekiranya Islam melarang *tabattul* (budaya membujang) dan *ikhtisa'* (budaya kasi) dan segala bentuk yang bertentangan dengan fitrah naluri, malah, disuruh pula orang yang mampu berkahwin supaya berkahwin (berdasarkan hadis) "Siapa antara kamu yang mampu berkahwin maka berkahwinlah. Sesungguhnya ia lebih menundukkan pandangan dan lebih utama bagi memelihara *faraj*", maka hendaklah diberikan bantuan kepada orang yang ingin berkahwin sekiranya dia tidak mampu menanggungnya seperti tanggungan mahar

dan seumpamanya" (Al-Qaradawi: 2000).

Hadis tadi dijelaskan oleh al-Qaradawi sebagai diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sahih al-Bukhari, *Kitab al-Sawm* (Puasa). Bab hadis tidak dinyatakan. Kaedah ini digunakan oleh al-Qaradawi dalam mentakhrijkan hadis dalam buku *Fiqh al-Zakah*. Bagaimanapun kaedah ini tidak digunakan dengan konsisten. Kadangkala hanya nama periwayatnya sahaja disebutkan tanpa menyebut kitab mahupun bab dan adakalanya disebut dengan jelas jilid dan halaman di mana hadis tersebut disebutkan (Al-Qaradawi: 2000).

Penjelasan spontan hadis ini tanpa menjelaskan sanad mahupun matan penuh mungkin mempunyai alasan yang tersendiri. Pertamanya, hadis ini telah disebut berulang kali dalam bab-bab sebelumnya, maka hanya sebahagian matan yang berkaitan dengan subjek perbincangan sahaja disebutkan. Kedua, status hadis ini yang dipetik daripada Sahih al-Bukhari, iaitu kesahihannya tidak perlu diragui, tidak memerlukan al-Qaradawi mencatatkan sanadnya. Konsep ini sering diamalkan oleh kebanyakan penulis lain.

Kembali kepada persoalan perkahwinan tadi, al-Qaradawi berpendapat bahawa orang-orang yang ingin mendirikan rumahtangga tetapi tidak mampu menanggung kos perkahwinan hendaklah diberikan bantuan kewangan seperti mahar. Menariknya, pandangan ini selaras dengan pandangan sesetengah ulama terdahulu sepertimana yang dinyatakan dalam *Hashiyah al-Rawdh* dan *Matalib Uli al-Nahy*. Al-Qaradawi menyatakan bahawa:

"Tidak hairanlah para ulama berkata: "Sesungguhnya sebahagian daripada usaha memenuhi tuntutan keperluan hidup ialah yang diambil oleh golongan fakir untuk berkahwin jika belum mempunyai isteri tetapi perlu berkahwin".

Walau bagaimanapun, pada pandangan pengkaji, dalam konteks bantuan mendirikan rumahtangga, terdapat batasan-batasan yang perlu dijelaskan. Al-Qaradawi apabila menyebut "mahar dan seumpamanya", beliau menyatakannya secara begitu terbuka memandangkan konsep pengagihan zakat untuk kes seperti ini jarang diamalkan. Bagaimanapun, penulis berpendapat bahawa satu klausa

pengkhususan perlu ditambah iaitu: "mahar dan keperluan asas lain yang diperlukan bagi melangsungkan perkahwinan itu". Alasannya, realiti semasa dan setempat dalam budaya penganjuran majlis perkahwinan telah banyak dimasuki unsur pembaziran apabila banyak aspek-aspek yang tidak diperlukan turut dibesarkan dalam melangsungkan perkahwinan.

Malah, sekiranya klausa ini diberikan penjelasan lanjut, ia adalah lebih baik. Contohnya, ditambah selepas "yang diperlukan" dengan klausa "iaitu mahar, sebentuk cincin emas belah rotan, kos pernikahan termasuk yuran-yuran dan bayaran jurunika serta penganjuran satu majlis jamuan kecil dan ringkas."

Al-Qaradawi tidak cukup berbabas dengan dalil akal dan *naql*. Beliau menambah penghujahannya dengan menyebut kisah di zaman Khalifah Umar bin Abd al-Aziz. Menurut al-Qaradawi, pada suatu hari khalifah ini memanggil di khalayak ramai. Katanya, "mana orang miskin? Mana para penghutang? Mana orang yang hendak berkahwin?"

Tujuan beliau memanggil golongan ini ialah untuk memenuhi hajat mereka dengan memberikan bantuan dari Baitulmal. Kisah Khalifah Umar tadi dijelaskan oleh al-Qaradawi sebagai dipetik daripada Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, jld. 9, hlm. 200 (Al-Qaradawi: 2000).

Amil Wanita

Persoalan ini telah ditimbulkan oleh al-Qaradawi memandangkan terdapat pendapat bahawa syarat untuk menjadi amil ialah lelaki. Malah, kalau dilihat dalam konteks negara Malaysia sendiri, didapati bahawa amil-amil yang mengutip zakat fitrah ialah golongan lelaki semata-mata.

Al-Qaradawi menjelaskan bahawa pandangan mereka disandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam *Kitab al-Fitan wa al-Maghazi*, iaitu:

{لن يفلح قوم ولوا أمرهم امرأة}

Hadis ini telah digunakan dengan meluas bagi membataskan kepimpinan golongan wanita. Bagaimanapun, al-Qaradawi menyanggah pandangan ini dengan berkata: "Tetapi (hadis) ini dikhususkan untuk wilayah

‘ammah (pentadbiran umum tertinggi dalam negara) yang melibatkan pemilikan kuasa eksekutif penuh untuk menyuruh atau melarang sesuatu tindakan" (Al-Qaradawi: 2000).

Selepas mengulas dan menolak pandangan dan hujah-hujah lain tentang syarat lelaki untuk menjadi amil, al-Qaradawi menegaskan lagi pendiriannya bahawa:

"Yang sebenarnya, dalam perkara ini, tidak ada dalil khusus yang melarang orang perempuan daripada bekerja sebagai amil zakat" (Al-Qaradawi: 2000).

Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa al-Qaradawi menggunakan pertimbangan pemahaman ke atas nas dengan begitu mendalam tanpa melihat semata-mata kepada zahir nas semata-mata.

Mualaf Bukan Islam

Golongan mualaf difahami sekian lama oleh rakyat Malaysia sebagai orang yang baru memeluk Islam. Bagaimanapun, al-Qaradawi membawa beberapa pentafsiran yang lebih luas berlandaskan pemahaman ke atas beberapa dalil daripada hadis Nabi SAW.

Berbanding pemahaman umum tentang mualaf, al-Qaradawi menyenaraikan tujuh jenis mualaf yang merangkumi orang kafir dan orang Islam, iaitu:

Orang Yang Diharapkan Akan Memeluk Islam, Atau Kaumnya Akan Memeluk Islam Dengan Memberinya Zakat

Bagi menguatkan pandangan ini, al-Qaradawi membawa beberapa hadis termasuk yang dipetik dari *Tafsir Ibn Kathir*, iaitu hadis riwayat Muslim dan al-Tirmidhi, daripada Sa'id bin al-Muthayyib, katanya: "Demi Allah, Nabi SAW. telah memberikan aku harta sedangkan baginda orang yang paling aku benci. Baginda tidak pernah berhenti memberikanku harta hinggalah akhirnya baginda menjadi orang yang paling aku sukai" (Al-Qaradawi: 2000).

Terdapat sepotong lagi hadis yang dipetik iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanad yang sahih bahawa Anas berkata, Sesungguhnya jika ada seseorang seseorang meminta sesuatu atas nama Islam, Rasulullah SAW. akan memberinya. Kata (Anas): "Seseorang lelaki pernah datang kepada baginda dan

memintanya sesuatu, maka baginda memberinya sejumlah harta sedekah yang banyak, seumpama antara dua gunung. Kemudian dia balik kepada kaumnya dan berkata, wahai kaumku, masuklah Islam, sesungguhnya Muhammad memberikan pemberian hingga seseorang tidak bimbangkan kemiskinan” (Al-Qaradawi: 2000).

Orang Yang Ditakuti Kejahatannya Dan Diharapkan Dengan Memberikannya Harta Zakat, Dapat Menghentikan Kejahatannya Dan Orang Yang Bersama Dengannya

Pandangan ini berasaskan kepada hadis daripada Ibn Abbas bahawa terdapat satu golongan yang apabila datang kepada Nabi dan diberikan sedekah zakat, maka mereka akan memuji Islam dengan berkata: “Ini agama yang baik”, tetapi, jika tidak diberikan harta, maka mereka akan mencela Islam. Pengukuhan pandangan melalui hadis ini agak tidak kukuh memandangkan sumber yang dikemukakan ialah daripada *Tafsir al-Tabari* semata-mata dan bukannya dari rujukan hadis yang sahih. Malah, tiada penjelasan diberikan tentang kedudukan hadis tersebut.

Berbanding dua golongan di atas yang terdiri daripada golongan bukan Islam, tiga golongan lagi disenaraikan, iaitu yang terdiri daripada golongan yang beragama Islam.

Orang Yang Baru Memeluk Islam, Lalu Diberikan Zakat Supaya Dapat Membantu Memperkuat Iman Mereka

Sandaran bagi pandangan ini juga dipetik daripada *Tafsir al-Tabari* selain beberapa rujukan lain seperti *al-Musannaf* karya Ibn Abi Shaybah dan *al-Aklil*, karya al-Suyuti. al-Qaradawi tidak mengemukakan hujah daripada hadis bagi menguatkan pandangan ini. Sebaliknya, beliau memetik kata-kata al-Zuhri apabila ditanya tentang *muallafah qulubuhum*, maka beliau berkata: orang yang memeluk Islam dari kalangan Yahudi dan Nasrani. Beliau ditanya lagi, “walaupun kaya?”, maka beliau menjawab, “walaupun dia kaya” (Al-Qaradawi: 2000).

Al-Qaradawi menambah bahawa al-Hasan berpendapat bahawa muallaf ialah orang yang memeluk Islam. Nyata di sini

bahawa bukan semua pandangan yang dikemukakan oleh al-Qaradawi diambil daripada hadis. Malah, ada juga yang disandarkan kepada pandangan fuqaha semata-mata yang mungkin terhasil daripada analisis mereka ke atas amalan pada zaman pembentukan undang-undang Islam.

Pemimpin Kaum Yang Beragama Islam Dan Mempunyai Penasihat Dan Pengikut Bukan Islam, Maka Diharapkan Mereka Juga Akan Memeluk Islam

Pandangan ini juga tidak disandarkan kepada hadis Nabis SAW. Sebaliknya, al-Qaradawi mengemukakan hujah perbuatan Abu Bakar memberikan sedekah zakat kepada ‘Uday bin Hatim dan al-Zabarqan bin Badar berdasarkan kedudukan mereka dalam kaum masing-masing.

Pemimpin Bagi Kaum Yang Lemah Iman Mereka, Maka Diharapkan Dengan Memberikan Mereka Bantuan Harta Benda Akan Memperkuat Iman Mereka Termasuklah Untuk Keluar Berjihad

Satu contoh daripada perbuatan Rasulullah SAW. bagi keadaan ini dinyatakan oleh al-Qaradawi seperti pemberian harta dari Hawazin kepada segolongan penduduk Makkah yang memeluk Islam tetapi ada sebahagiannya yang munafik dan ada juga yang lemah imannya. Kebanyakannya menjadi muslim yang baik selepas menerima harta tersebut. Kisah ini dipetik oleh al-Qaradawi daripada *Tafsir al-Qurtubi*.

Orang Yang Berada Di Perbatasan Atau Bersempadan Dengan Negara Musuh

Diharapkan dengan pemberian harta zakat kepada mereka dapatlah mereka mempertahankan diri mereka dan orang Islam yang lain. Pandangan ini dikemukakan oleh al-Qaradawi tanpa mengemukakan sebarang sandaran sama ada daripada hadis, athar mahupun pandangan fuqaha terdahulu.

Orang Yang Diharapkan Dapat Mengutip Zakat Daripada Golongan Yang Enggan Membayar Zakat Kecuali Jika Dihukum Bunuh, Maka, Diharapkan Dengan Memberikan Mereka Zakat, Dapat

Menguatkan Azam Mereka Untuk Menegakkan Hukum Allah

Pandangan ini tidak mempunyai sebarang sandaran hadis mahupun athar. Sebaliknya, ia dibina berasaskan *tahqiq masalah ammah* (merealisasikan masalah umum) dan juga memilih *akhaf al-dararyn* (mudharat yang paling ringan) dalam menyelesaikan masalah orang tidak mahu membayar zakat.

Berdasarkan pemecahan golongan mu'alaf kepada tujuh jenis seperti yang dikemukakan oleh al-Qaradawi, bolehlah disimpulkan bahawa terdapat pandangan yang dikemukakan mempunyai sandaran yang berbeza-beza. Berbanding pemahaman umum masyarakat Malaysia bahawa mu'alaf hanyalah orang yang baru memeluk Islam, al-Qaradawi pula mengemukakan pandangan yang lebih luas apabila menyatakan bahawa harus juga memberikan zakat kepada golongan bukan Islam atas dasar melembutkan hati mereka kepada Islam.

Malah, pandangan ini dikukuhkan dengan kisah pada zaman Rasulullah SAW.. Bagaimanapun, penulis mendapati bahawa hadis-hadis yang dikemukakan tidak pula dirujuk daripada sumber tekstual yang berautoriti dalam bidang hadis. Selain itu, terdapat juga pandangan yang berasaskan ijtihad beliau sendiri seperti jenis yang ketujuh, iaitu yang meletakkan kaedah pembentukan hukum Islam sebagai asas pandangan beliau.

Pengagihan Zakat untuk Mangsa Bencana Alam

Isu ini dibincangkan oleh al-Qaradawi semasa mengulas definisi *al-gharimun*. *Gharimun* pada asasnya bermaksud orang yang berhutang. Dalam mazhab Hanafi, ia dikhususkan untuk orang yang menanggung hutang dan tidak memiliki harta melebihi hutang tersebut. Bagi majoriti fuqaha pula, iaitu Malik, Shafii dan Ahmad bin Hanbal, ia terdiri daripada dua jenis, iaitu orang yang berhutang untuk masalah dirinya sendiri dan orang yang berhutang untuk masalah masyarakat (Al-Qaradawi: 2000).

Al-Qaradawi telah mengemukakan perspektif baru dalam sistem pengagihan zakat untuk asnaf ini. Menurutnya, yang lebih utama dalam pengagihan zakat untuk asnaf ini ialah orang yang ditimpa bencana hingga

menjejaskan kehidupannya dan menghancurkan harta bendanya. Mereka ini akhirnya terpaksa berhutang untuk diri mereka dan keluarga mereka. Menurut al-Qaradawi, pandangan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim bahawa Rasulullah SAW. telah mengizinkan pemberian zakat untuk orang yang ditimpa musibah yang melibatkan kemusnahan harta benda (Al-Qaradawi: 2000).

Pengagihan zakat dalam bentuk ini dianggap sebagai satu bentuk sistem jaminan insuran sosial bagi menangani kesukaran akibat bencana alam. Berbeza dengan sistem jaminan insuran lain yang memberikan jaminan untuk orang yang menyertai sistem tersebut sahaja, sistem zakat memberikan jaminan untuk umat Islam secara menyeluruh. Malah, jumlah bantuan yang diberikan pula bergantung kepada jumlah yang diperlukan, bukannya bergantung kepada jumlah premium mengikut pakej yang dikeluarkan oleh syarikat pengeluar insuran.

Pengkaji berpendapat bahawa pandangan ini walaupun tidak disandarkan kepada hadis tersebut, turut mempunyai kewajarannya yang tersendiri iaitu *tahqiq masalah al-ibad* (merealisasikan kemaslahatan hamba) memandangkan golongan yang ditimpa musibah hingga memaksanya berhutang untuk meneruskan hidup perlu diberikan bantuan segera untuk memastikan kelangsungan hidup.

Selain itu, sifat hakiki golongan ini yang selari dengan definisi *al-gharimin* itu sendiri iaitu orang yang berhutang untuk masalah diri dan masyarakat turut memastikan kelayakan mereka untuk menerima bantuan zakat.

PENUTUP

Pemikiran seorang tokoh yang prolifik dan idealis seperti al-Qaradawi telah memberikan perspektif baru dalam meningkatkan daya pengurusan sistem zakat semasa disamping menangani masalah masyarakat. Dalam bukunya, *Fiqh al-Zakah* terdapat banyak lagi pemikiran yang agak asing dalam sistem amalan zakat semasa yang perlu dikaji.

Pandangan yang dikemukakan adakalanya disandarkan kepada pemahaman ke atas al-Quran dan hadis manakala

sebahagiannya dikembangkan daripada pandangan fuqaha terdahulu. Penilaian yang diberikan pula tidak terbatas kepada amalan *tarjih* semata-mata.

Selain itu, terdapat juga idea baru yang dikemukakan yang tidak pernah ditimbulkan sebelum ini oleh mana-mana ulama. Meneliti buku ini, pengkaji berpendapat bahawa perlu ada satu usaha dilakukan untuk menilai (*takhrij*) hadis-hadis yang dikemukakan oleh al-Qaradawi dalam buku ini.

Hal ini memandangkan terdapat hadis yang tidak dirujuk daripada kitab hadis yang muktabar. Sebaliknya, ia dipetik dari buku-buku seperti *Tafsir Ibn Kathir*, *Tafsir al-Qurtubi*, *al-Bidayah wa al-Nihayah* dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- Hasanah Abd. Khafidz, 2006. *Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa dan Setempat dalam Menentukan Pentafsirannya di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam Negeri Selangor Darul Ehsan, 1994. *Fatwa Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor Darul Ehsan*.
- Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), 2001. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Yusuf al-Qaradawi, 2000. *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhaw' al-Quran wa al-Sunnah* (ed. 24). Beirut: Muassasah al-Risalah.

Internet

- Mawqi' al-Qaradawi.
<http://www.qaradawai.net>. 8 Julai 2007.
- Yusuf al-Qaradawi.
http://ms.wikipedia.org/wiki/Yusuf_al-Qaradawi. 8 Julai 2007.
- Yusuf al-Qaradawi: Information from Answers.com.
<http://www.answers.com/topic/yusuf-al-qaradawi>. 8 Julai 2007.

Yusuf al-Qaradawi: Sejarah Hidup dan Pemikiran.

http://www.abim.org.my/minda_madani?modules/news/print.php?storyid=110. 9 Julai 2007.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.